

13 APR 1996

Tanah

KEDAH SENTIASA CEPAT PROSES TANAH INDUSTRI

ALOR SETAR, 13 April (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff hari ini berkata semua permohonan tanah oleh pelabur di negeri ini sentiasa diproses dan diluluskan dengan cepat sekiranya didapati tidak bermasalah.

Menurutnya, kerajaan negeri belum menerima aduan daripada pelabur mengenai kelewatan dalam pemprosesan permohonan mereka.

"Kami juga tidak pernah mendapati pelabur membatalkan rancangan untuk mendirikan kilang kerana masalah dalam pemprosesan permohonan tanah," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan supaya semua kerajaan negeri mempercepatkan tempoh pemprosesan permohonan tanah perindustrian.

Beliau berkata di Kangar bahawa terdapat kes permohonan tanah industri mengambil masa sehingga dua tahun untuk diluluskan dan keadaan itu menghalang pertumbuhan ekonomi dan perindustrian negara.

Mengenai saranan Perdana Menteri supaya kerajaan-kerajaan negeri mencontohi Perlis meluluskan permohonan tanah industri dalam tempoh 24 jam, Osman berkata ini dapat dilakukan apabila semua pihak bersetuju dengan syarat yang ditetapkan.

"Sekiranya pelabur bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, satu perjanjian dapat dicapai dalam tempoh 24 jam. Bagaimanapun, bukan semua permohonan dapat diproses dalam tempoh itu," katanya.

Terdahulu Osman melawat beberapa projek yang sedang dilaksanakan di daerah Kubang Pasu termasuk pembinaan dua buah jambatan di Kampung Gelong dan Kampung Manggol dekat Jitra.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, Pejabat Tanah dan Galian negeri akan diminta supaya menyegerakan sebarang proses permohonan kelulusan tanah untuk tujuan perindustrian.

Menurut beliau, pada masa ini sebarang permohonan daripada pelabur diproses melalui Pusat Serenti Industri dan pejabat tanah daerah terbabit sebelum diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri.

"Bagaimanapun sebarang kelewatan yang berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa masalah tertentu kerana pada kebiasaan permohonan yang mengikut segala syarat dapat diluluskan hanya dalam tempoh tiga bulan," katanya. --

BERNAMA

MFJ AS NMO